

Falsafah Politik Islam dan Kepentingan di Malaysia



*The ABBASID CALIPH
Administrative System
During HAKIM AL-RASHID
(750-808)*

97.272
IDR

Idris Zakaria



Falsafah Politik Islam dan Kepentingan di Malaysia






Falsafah Politik Islam dan Kepentingan di Malaysia

Idris Zakaria

MA(UKM) PhD(Manchester)
(BCN)(DJN)



*Dipersembahkan sebagai Syarahan Perdana Jawatan Profesor
Universiti Kebangsaan Malaysia pada 13 April 2012
di Bilik Senat, Universiti Kebangsaan Malaysia*



PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2012

<http://www.ukm.my/penerbit>

PUSTAKA PERDANA



1012666

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2012
Hak cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor D.E. Malaysia
e-mel: penerbit@ukm.my
<http://www.penerbit.ukm.my>

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / *Membership No.* 198302

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
REKA CETAK SDN. BHD.
No. 14, Jalan Jemuju Empat 16/13D,
Seksyen 16, 40200 Shah Alam,
Selangor D.E., MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Idris Zakaria

Falsafah politik Islam dan kepentingannya di Malaysia /
Idris Zakaria.

1. Islam and politics--Malaysia.
2. Islam and state--Malaysia.
3. Political science--Philosophy.
4. Speeches, addresses, etc.

I. Judul.

297.27209595

ISBN 978-967-412-010-8

Abstrak

Umat Islam di serata negara Islam kini sedang bergelut dengan pelbagai masalah sosiopolitik yang kebanyakannya memberi impak negatif terhadap bidang kehidupan yang lain. Selain dari cabaran dan tentangan dari luar, negara-negara Islam itu juga dilanda krisis-krisis politik yang berpunca dari ideologi, pemikiran dan tindakan dalaman. Syiah dan Sunni umpamanya sering bermusuhan hingga mengorbankan banyak nyawa dan merosakkan harta benda yang bukan sedikit di beberapa buah negara seperti Pakistan dan Iraq. Dalam negara kita sendiri, politik warisan falsafah sekular barat yang diamalkan, sering diubah suai menurut acuan kita sendiri. Ini berlaku justeru ada prinsip-prinsipnya yang kurang relevan dengan persekitaran, sejarah dan budaya di sini. Sementara amalan politik dari jalur agama pula sentiasa mempamerkan diri dan kumpulan yang bersifat garang, keras, rigid, sukar untuk bertolak ansur, tidak kreatif dan inovatif, tidak konsisten dalam gagasan dan tindakan serta tidak ada lakaran futuristik tentang pembangunan negara yang jelas dan berwibawa. Syarahan ini memberi fokus kepada falsafah politik Islam yang berbeza sama sekali dengan ideologi dan amalan politik konvensional serta politik hukum-hakam i.e; fiqah. Falsafah politik ini mengimpikan kehidupan yang aman, maju dan bahagia bagi rakyat dengan menggabungkan unsur-unsur teks dan konteks, bersumberkan elemen-elemen dalam dan luar yang bertenaga untuk mencapai tahap negara ideal. Pendekatannya pula lebih rasional, sistematik, mesra, terbuka dan bercirikan intelektual. Seterusnya, faedah dan pengajaran dari aliran ini dibawa untuk penambahbaikan siasah negara sambil membantu proses transformasi yang sedang giat diselenggarakan oleh kepimpinan negara.



Abstract

Muslim societies all over the world are now facing many sociopolitical problems. These problems have contributed significantly to the rise of negative impacts on many aspects of life. Besides external challenges, Muslim countries nowadays are also facing internal political crisis caused by several factors such as confusion of ideology, thoughts, and actions. The conflict between the Shiite and Sunni Muslims is an example of how the internal challenges caused severe bloodshed and destruction of property in many parts of areas in countries like Pakistan and Iraq. In Malaysia, the political practice historically inherited from the Western secular philosophy and has been through process of modifications due to the irrelevancy to the political and social environment, history and culture of the country. Besides this changes, the practice of politic of the religious groups frequently shows aggressiveness, rigidity, intolerance, close thinking, backward perspective and lack of comprehensive solution for social development in the future. This lecture focuses on the Islamic political philosophy which is different from both the conventional and juristic methodology of politic. This political philosophy aims at creating a peaceful, prosperity and happiness in the life of the society. It is an integrated formulation of understanding the knowledge of politics based on text and political context based upon local and external sources toward achieving the ideal state. The approach tends to be more rational, systematic, friendly, open and has strong intellectual foundation. This discourse is important as it will contribute to the improvement of the current political practice in the country and at the same time would assist the transformation agenda as radically promoted by the Malaysian leadership today.

*Yang Berbahagia Tan Sri Dato, Naib Canselor,
Yang Berbahagia Timbalan-timbalan Naib Canselor,
Para Ahli Senat,
Para Dekan dan Pengarah,
Para Profesor, Profesor Madya dan Pensyarah,
Para Tetamu Kenamaan,
Para Mahasiswa, Ahli Keluarga
Dan hadirin yang dihormati sekalian*

Pengenalan

Kira-kira 900 tahun dahulu, Imam al-Ghazali (450-505H./1058-1111M) atau nama penuhnya Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad telah meninggalkan masyarakatnya buat selama-lamanya dalam usia yang agak muda, iaitu kira-kira 53 tahun. Dalam tempoh waktu itu, beliau telah berjaya melakar sejarah kejayaan peribadi dan menyumbang kepada tamadun dunia Islam serta diakui keunggulannya oleh para sarjana, institusi ilmu barat dan timur, dahulu dan sekarang. Kecemerlangannya adalah kerana penguasaan ilmunya yang luas, sifat peribadinya yang unggul, rensponsif terhadap denyut nadi rakyat, hubungan bermakna dengan para pemimpin, serta sifat rasional dan warak yang sukar dicari ganti. Di samping menyumbang ilmu dan kepakaran kepada kira-kira 300 siswa di Baghdad, beliau juga bertindak matang menasihati para pemimpin negara agar tidak leka dan hanyut dalam kemewahan dan keseronokan dunia.

Banyak nasihat dan teguran yang diberikan oleh Imam al-Ghazali terhadap para pemimpin, imam atau sultan. Antara nasihatnya ialah supaya sultan segera menunaikan hajat mereka yang datang kepadanya dan jangan membiarkan mereka itu menunggu dihadapan pintu, kerana perbuatan melambat-lambatkan menunai hajat rakyat merupakan satu penghinaan dan sangat merbahaya. Sultan atau pemimpin juga jangan

biasakan diri dengan sifat gemar memakai pakaian yang indah-indah dan mahal serta memakan makanan yang mewah lagi lazat. Sebaliknya mereka hendaklah berpuas hati dalam perkara yang ada kerana keadilan itu tidak dapat dicapai tanpa *qana'ah* (berpuas hati) (al-Ghazali 1976). Dalam bukunya *al-Tibr al-Masbuk fi Nasihat al-Muluk* (t.t), al-Ghazali mengingatkan Sultan Muhammad bin Malik Shah (Iraq): “Ketahuilah..hai Sultan dunia, raja Timur dan Barat, bahawa Allah telah menganugerahkan kepadamu pelbagai nikmat yang nyata dan berganda, maka wajiblah engkau bersyukur kerananya malah engkau berkewajipan mencanangkan dan menghebahkannya”. Al-Ghazali juga mengkritik para menteri dan pembesar yang zalim dan menekan kehidupan rakyat. Rakyat menderita kelaparan akibat kezaliman mereka. Beliau menyeru mereka mengamalkan amanah agama dalam pentadbiran apa lagi dalam pengurusan harta negara.

Oleh kerana pemimpin menjadi paksi dan tonggak kehidupan dan keagamaan, empat buah bukunya ditulis untuk membahas persoalan siasah, khilafah (Imamah) dan lain-lain yang berkaitan. Buku tersebut ialah *Fada'il al-Batiniyyah wa Fada'il al-Mustazhiriyyah*, *al-Iqtisad fi al-Iqtihad*, *Ihya' Ulumuddin* dan *al-Tibr al-Masbuk fi Nasihat al-Muluk*. Perhatian utama beliau adalah antara siasah dan agama atau lebih khusus lagi siasah dan akhlak atau moral. Bagi al-Ghazali negara yang tidak memiliki moral yang baik bererti keruntuhan dan moral yang tidak selari dengan negara adalah kelumpuhan. Al-Ghazali mengambil iktibar daripada mesej pengutusan para nabi dan rasul silih berganti adalah untuk memimpin manusia dan memperbaiki akhlak mereka.

Abu Nasr al-Farabi atau nama penuhnya Abu Nasr Muhammad bin Muhammad Ibnu Tarchan (257-339H 870-950M) telah muncul melakar pemikiran siasah dalam masyarakat Islam. 188 tahun sebelum Al-Ghazali, Putera pegawai tinggi tentera Turki ini bekerja sebagai qadi di Farab, Turki tetapi mengambil keputusan meninggalkan jawatan itu justeru tertarik dengan ketinggian falsafah Aristotle. Beliau digelar *al-Mu'allim al-Thani* atau guru kedua nisbah kepada Aristotle sebagai guru pertama (Bayhaqi 1946: 30). Para sarjana yang mengkaji komitmen keilmuannya merumuskan bahawa seluruh binaan falsafah yang dibangunkan oleh al-Farabi didominasi oleh soal politik (Madkur 1968: 70-71). Siapa yang tidak dapat memahami kecenderungan ini akan gagal menghayati falsafahnya. Al-Farabi bukan ahli politik tetapi pemikir politik yang serius dan konsisten sejak dari usia 40-an hingga ke akhir hayatnya (82 tahun). Al-Farabi tidak selesa tinggal dalam masyarakat yang tidak

aman, oleh sebab peperangan antara wilayah yang sering berlaku, rebutan kuasa dan jawatan sesama pemimpin atau pembunuhan kerana politik sentiasa menghantui pemikirannya. Sebagai tokoh yang amat memahami pergolakan sosial di zamannya, al-Farabi menyumbangkan idea dan saranan kepada penguasa pada zamannya, iaitu Sayf al-Dawlah al-Hamadhan di Aleppo, Syria supaya memperbaiki keadaan negaranya agar kehidupan rakyat dapat diperbaiki, kemajuan intelektual dapat ditingkatkan, moral awam dipulihkan dan krisis politik diredakan. Beliau bercita-cita untuk mewujudkan sebuah negara terbaik, dan ideal di mana semua warga boleh menikmati kebahagiaan. Antara buku-buku beliau yang berbicara hal ini ialah *Kitab Ara Ahl al-Madinah al-Fadhilah*, *Kitab al-Siyasah al-Madaniyyah*, *Kitab fi al-Ijtima'at al-Madaniyyah*, *Kitab al-Fahs al-Madani* dan *Risalah Ibnu Nasr al-Farabi fi al-Siyasah*.

Keistimewaan penulisan al-Farabi ialah teradun dengan jelas antara siasah, agama, metafizik, akhlak dan psikologi masyarakat dalam satu kerangka berfikir. Para sarjana seperti Rosenthal, Najjar dan Hammond mengakui bahawa inilah cara berfikir ahli falsafah Islam. (Rosenthal 1968, 122; Najjar 1957, 94-103; Hammond 1947, 49).

30 tahun selepas al-Farabi meninggal dunia, ditakdirkan Allah lahir pula ilmuan terbilang ahli falsafah juga ahli politik terkenal, iaitu Ali al-Hussin Ibnu Sina (370-428H/980-1037M) di daerah Bukhara, Parsi Utara. Sama seperti al-Farabi, Ibnu Sina hidup tertekan dengan krisis dan pergolakan politik yang tidak kunjung padam. Beliau sendiri pernah turut serta berperang untuk mempertahankan kuasa dan tampuk pemerintahan ketuanya, iaitu Amir Syamsud-Dawlah dari Bani Buwaih.

Ibnu Sina seorang tokoh ensiklopidik (gaya berfikirnya). Ayahnya seorang pendukung mazhab Syiah Isma'iliyyah. Ibnu Sina sering disuruh mendengar huraian politik mereka di samping isu falsafah sejak di bawah usia 10 tahun lagi, tetapi beliau tidak tertarik dengan hujah-hujah Syiah itu. Banyak pembaharuan dalam pentadbiran dibuat oleh Ibnu Sina apabila beliau berada dalam sistem pentadbiran negara. Bermula dengan jawatan pegawai daerah di Bukhara menggantikan arwah ayahnya; penasihat peribadi kepada Sultan Nuh bin Mansur di Bukhara; penasihat kepada Sultan 'Ala al-Dawlah di Isfahan; menteri di Hamadhan; dan akhirnya Perdana Menteri di Hamadhan (Suhail Afnan 1958). Antara tindakan politik yang dilakukan oleh Ibnu Sina ialah membuat perubahan-perubahan dalam pengurusan negara, memerangi rasuah dan melaksanakan tindakan tegas terhadap mereka yang bersalah. Perubahan ini telah menimbulkan kemarahan orang ramai, terutamanya anggota

tentera. Akibat daripada pembaharuan tersebut, rumahnya dibakar dan beliau dipenjara. Peristiwa ini berlaku sewaktu pemerintahan Amir Shams al-Dawlah di Hamadhan.

Akibat pelbagai tekanan yang dihadapinya sejarah hidup beliau menerangkan, Ibnu Sina mengembara ke serata tempat dalam wilayah Islam untuk mencari keamanan sambil meneruskan kecemerlangan ilmiahnya. Ibnu Sina membawa diri dari Bukhara ke Gurganj, kemudian ke Nasa, Baward, Tus, Samarkhan, Jajarun, Jurjan dan Dipristan. Kemudian beliau kembali ke Jurjan dan mengembara lagi ke Rayy, Qazwin, Hamadhan, Isfahan dan akhirnya kembali ke Hamadhan. Beliau meninggal dunia di Hamadhan pada tahun 428H/1037M ketika berusia 57 tahun. Ketenangan di serata tempat ini membolehkan beliau memerhati dan menilai masyarakat sambil menulis buku dalam bidang logik, matematik, psikologi, astronomi, metafizik, etika, politik, perubatan, muzik dan pecahan tiap subjek. Bukunya *Qanun fi-Tibb* (Tatacara Ilmu Perubatan) digunakan di Universiti Oxford hingga abad ke-17, sementara falsafahnya dipelajari hingga kini (Idris 1993).

Di Tunisia, muncul satu lagi bintang gemerlapan yang menyinari dunia ilmu dan peradaban Islam. Pada tahun 732H/1332M lahir bapa Sosiologi tersohor Ibnu Khaldun atau nama penuhnya Abu Zaid Abd Rahman Ibnu Muhammad bin Muhammad Ibnu al-Hassan Ibnu Muhammad Ibnu Jabir Ibnu Muhammad Ibnu Ibrahim Ibnu Abd Rahman Ibnu Khaldun. Beliau digelar Wali al-Din merujuk kepada jasa dan peranan beliau sebagai *Guardian of the Religion*. Beliau turut terlibat dalam bidang politik dan pemerintahan di beberapa negara selama 25 tahun, antaranya di Tunisia, Maghribi, Mesir dan Andalus sehingga 1382M, iaitu pada usia 50 tahun (Fischel 1967).

Pengalamannya bersama para bangsawan di pelbagai tempat dan negara; menduduki jawatan politik dan pentadbiran istana di negara Afrika Utara dan Mesir; mengembara ke daerah padang pasir serta bergaul dengan suku-suku kaum Arab, memahami gaya hidup dan gaya berfikir mereka yang semuanya itu akhirnya menjadi sumber dan inspirasi bagi beliau menulis magnum-opusnya *Muqaddimah*. Buku ini adalah pengenalan bagi karya beliau yang lebih besar tentang sejarah umum umat manusia, iaitu *Kitab al-'Ibar, wa Diwan al-Mubtada wa al-Khabar Fi Ayyam al-'Arabi wa al-Ajami wa al-Barbar wa Man Asrahum min Dzawi al-Sultan Akhbar* (Buku tentang ibarat dan catatan sejarah terdahulu dan kemudian, membincangkan peristiwa politik dan bangsa Arab, asing, juga Barbar serta raja-raja besar yang hidup

di zaman mereka). Singkatannya disebut *Kitab al-'Ibar* sahaja. Karya beliau adalah kajian saintifik tentang kehidupan manusia, kebudayaan, ekonomi, politik, ilmu pengetahuan, malah faktor jatuh bangun satu-satu tamadun manusia, negara dan kepimpinan telah dihurai oleh beliau. Teori 'Asabiyyahnya cukup bermakna dan mempunyai kekuatan bagi menjayakan kesatuan ummah, agama dan peradaban yang besar (*Muqaddimah* t.t).

Antara sumbangan yang diberikan oleh Ibnu Khaldun ialah sebagai setiausaha kepada Sultan Abu 'Inan di Fez, Mahgribi (1355M); setiausaha sulit kepada Sultan Abu Salim di Fez (1358M), mengetuai delegasi Sultan Muhammad V Granada bagi memeterai perjanjian perdamaian dengan Pedro Du Cruel, Pemerintah Kristian di Seville, Sepanyol (1360M) dan Ketua Hakim di Mesir.

Demikian bukti dan kenyataan sejarah tentang komitmen ahli-ahli fikir Islam dahulu terhadap pembentukan peradaban dan kesejahteraan sosial. Meskipun ada di antara mereka yang ragu-ragu terhadap bahagian tertentu dalam falsafah tetapi kebanyakan mereka tetap teguh meneruskan hasrat mencari kebenaran. Mereka percaya kebenaran ada di mana-mana dan boleh didapati daripada siapa sahaja.

Falsafah dan pemikiran ahli-ahli falsafah Islam ini dalam bidang sosiopolitik didapati sangat signifikan dalam usaha penambahbaikan sosial dan amalan politik. Mereka diiktiraf oleh sarjana tersohor seperti E.I.J. Rosenthal, H.A.R. Gibb, A.K.S. Lambtom, S.H. Nasr, Louis Gardet, Wilfred C. Smith, Von Grunebaum, Kenneth Gragg, Arthur John Arberry, Copleston F.C., Majid Fakhry dan Fauzi M. Najjar (sekadar menyebut beberapa nama). Pelbagai bentuk tulisan dan penyelidikan diterbitkan oleh sarjana dan dipelajari secara meluas di universiti-universiti Eropah, Amerika dan sebahagian negara-negara Islam.

Oleh itu, berdasarkan kenyataan ini, penulis berhasrat mewacanakan falsafah dan pemikiran politik Islam pada abad pertengahan untuk dipelajari dan dimanfaatkan oleh generasi kini. Fikiran itu penting ditelaah semula justeru falsafah serta pemikiran politik pada zaman itu bersifat holistik, berpaksikan unsur metafizik yang utuh serta belum dilanda oleh pengaruh sekular seperti politik zaman ini. Kebetulan pula politik kini yang berasaskan falsafah politik sekular Barat sering menunjukkan berlaku banyak perlakuan-perlakuan negatif seperti politik wang atau rasuah, salah guna kuasa, kezaliman dan ketidakadilan. Di sesetengah tempat pula berlaku pembunuhan kerana kepentingan politik. Sementara amalan politik dari jalur agama pula kini seperti yang tergambar di

banyak tempat sering didominasi oleh percakapan dan tindakan yang keras, rigid, sukar untuk bertolak ansur, ganas, selain tiada unsur pemikiran kreatif dan inovatif untuk memajukan negara. Perpecahan dalam masyarakat berkaitan hal agama dan kemasyarakatan kadangkala sangat meruncing seperti sembahyang dua imam, penghormatan kepada jenazah berdasarkan warna-warna politik, pulau-memulau kenduri, dan perpecahan rumah tangga akibat perbezaan politik. Politik Sunni Syiah tidak menampakkan sumbangan positif. Permusuhan dan pembunuhan sentiasa berlaku seperti di Pakistan dan Iraq. Maka ada harapan falsafah politik Islam yang membawa tradisi rasional, terbuka, mesra ilmu dan intelektual sifatnya boleh menyumbang sesuatu ke arah pembaikan bidang siasah ini sambil memperkasakannya.

Jenis dan Kumpulan Pemikir Politik Islam

Ramai yang tidak menyedari bahawa pemikiran politik Islam disumbangkan oleh ramai tokoh dan kumpulan. Teori politik Islam tradisi dalam sejarah dan budaya umatnya adalah berasaskan pemikiran ahli-ahli fiqah atau fuqaha seperti Abu Yusuf Yacqub (113-182H/731-798M). Beliau adalah seorang kadi yang terkenal di zaman khalifah Harun al-Rashid, penulis buku *al-Kharaj* iaitu persoalan kewangan negara Islam, Abul al-Hasan al-Mawardi (364-450H/991-1031M), penulis buku *al-Ahkam al-Sultaniyah*' (Peraturan-peraturan mengenai Pemerintahan). Buku ini menerangkan huraian-huraian klasik tentang khilafah atau imamah, perlantikan wazir dan amir, bidang tugas hakim, ibadat-ibadat, hukum-hakam dan hisbah. Menurut beliau buku itu ditulis berdasarkan perintah al-Quran. Beliau menegaskan dengan konsisten tentang autoriti sosial politik yang dimiliki khalifah. Kekhalifahan adalah kunci dalam sistem pemerintahan negara. Ini adalah rujukan yang berautoriti yang mewakili kumpulan fuqaha dan sangat berpengaruh dalam bidang ini di dunia Islam. Imam al-Ghazali (450-501H/1058-1111M) pula menulis beberapa buku berunsur sosiopolitik seperti Kitab *al-Iqtisad fil-'Iqtad*, yang membincang persoalan kepimpinan (imamah). Badr ad-Din Ibnu Jama'ah (639-733H/1241-1333M) seorang ahli hukum Islam dan Kadi Besar di Kaherah (tahun 1290M) dan Damsyik serta Ibnu Taymiyyah (661-728H/1263-1328M) banyak mempengaruhi pelbagai gerakan politik Islam zaman moden. Mengenai siasah, beliau menulis *al-Siyasah al-Syariyyah fi Islah al-Ra'i wa ar-Rai'yyah* (Pentadbiran berdasarkan Syariah mengenai Pembaikan Pemerintahan dan Rakyat). Fokus utama

pemikiran mereka ialah teori khalifah dan kepimpinan (Imamah). Rujukan utama mereka ialah nas syariat berasaskan al-Quran dan al-Sunnah serta amalan dan budaya politik para khilafah al-Rasyidun (Rosenthal 1968, 113; Mohd Kamal 1982, 112-113). Pemikiran jenis inilah yang berjaya mendominasi gerakan siasah Islam semasa di Malaysia dan wilayah Islam lain.

Sebenarnya dalam tilikan ilmiah berasaskan corak, fundamental, perjuangan dan budaya semasa, umat Islam serata negara sepanjang sejarahnya, menurut Rosenthal (1968) dan Lambton (1979) menampilkan sekurang-kurangnya empat kumpulan lagi yang masing-masing dalam kekuatannya turut menyumbang ke arah perkembangan pemikiran politik Islam. Mereka berjasa dalam batas kemampuan dan cabaran terhadap mereka. Selain kumpulan pertama tadi yang mewakili pemikiran siasah fuqaha, umat Islam khususnya para sultan, raja muda atau pemimpin sentiasa mendapat khidmat nasihat dan pemikiran dari ulama terkenal pada sesuatu zaman. Tradisi ini dikenali sebagai *Mirror Literature* atau *Mirrors for Princess*. Asal mula tradisi ini ialah dari Parsi (Mohd. Kamal 1982). Kemudian ia muncul menjadi sesuatu institusi ilmu yang penting dalam kehidupan dan siasah umat Islam. Satu contoh terkenal di sini ialah Ibnu al-Muqaffa' (757M) yang menulis kitab *al-Adab al-Kabir* dan *al-Adab al-Saghir*, dua buku yang sarat dengan penerangan tentang adab sopan terpuji berasaskan Islam. Kedua-dua buku ini diulang cetak berkali-kali. *Al-Adab al-saghir* diterjemah ke bahasa Parsi moden oleh Nasir al-Din al-Tusi pada abad ke-13 (Dunlop 1971). Di Malaysia atau Malaya dahulu, ulama memainkan peranan signifikan kepada sultan atau raja muda. Contohnya Tok Kenali di Kelantan; Maulana Abu Bakar, Sayed Ab. Aziz dan Maulana Yusuf di Melaka; dan Syeikh Ab. Kadir Bukit Payas, Tok Ku Paloh dan Tok Syeikh Duyung di Terengganu. Hal yang sama juga berlaku di negeri lain di Tanah Melayu (Muhammad 1991). Suasana ini berlaku juga di Alam Melayu seperti di Aceh. Mereka berbicara tentang politik tetapi menggunakan kaedah nasihat.

Kumpulan ketiga yang turut menyumbang kepada pembangunan pemikiran dan tamadun umat ialah tulisan ahli falsafah Islam (filsuf) juga pada abad pertengahan. Dasar pemikiran dan kelahiran teori siasah mereka adalah gabungan sumber dari dalam tradisi Islam sendiri dengan Greek atau Parsi. Nama seperti al-Kindi, Abu Nasr al-Farabi, Ibnu Sina, Ibnu Rusyd dan Ibnu Miskawayh, sekadar contoh adalah dalam kelas ini. Pemikiran kumpulan ini, dalam analisis para agamawan dianggap tidak asli dan tidak sejati yang sepatutnya bertolak semata-mata dari al-

Quran dan al-Sunnah. Walau bagaimanapun sumbangan mereka sangat besar dalam tamadun Islam. Buah fikiran mereka dari sudut hubungan dengan Greek memiliki kekuatan istimewa iaitu menggilap idea siasah yang tidak disentuh oleh tokoh jalur fuqaha seperti kualiti rakyat, kuasa rakyat, pembangunan dan lain-lain. Bagi mengelak penolakan massa secara radikal, tokoh falsafah ini mengambil pendekatan rasional yang lebih menjurus kepada konsep dan kriteria *Islamization of Knowledge* yang pernah dipopularkan oleh Allahyarham Prof. Dr. Ismail Raji al-Faruqi di USA dan di sini pula oleh Prof. Dr. Syed Naquib Al-Attas. Ahli fikir itu menerima idea asing yang kemudiannya diubah suai menurut unsur agama dan budaya masyarakatnya. Jika tidak ada strategi ini, fikiran serta bahan ilmu dari luar akan ditentang, dibuang atau dibakar seperti yang dialami oleh Ibnu Sina, Ibnu Bajjah dan Ibnu Rusyd.

Dalam kelas keempat, seperti yang dirumuskan oleh sarjana dalam bidang ini ialah pemikiran Ibnu Khaldun (732-808H/1332-1405M). Nama besar ini telah melakar peta pemikiran umat Islam di Timur Tengah dan diambil perhatian oleh sarjana Eropah tetapi kurang di Malaysia, telah menyumbang idea utama sosiopolitik, ekonomi dan budaya. Ibnu Khaldun dalam kelasnya yang tersendiri (Rosenthal 1968) menulis pemikirannya hasil pembacaan dan pemerhatian masyarakat Arab Zaman Pertengahan. Konsep negara, kepimpinan, undang-undang, budaya dan pengaruh cuaca kepada manusia dibahas dan disumbangkan kepada dunia ilmu pengetahuan. Walau bagaimanapun aspek cuaca dan budaya ini tidak dibincang secara signifikan oleh fuqaha. *Muqaddimah Ibnu Khaldun* adalah sebuah mutiara ilmu dan peradaban besar tetapi jauh dan minda masyarakat Melayu. Ibnu Khaldun menghuraikan jenis persoalan negara berdasarkan bentuk pemerintahan dan tujuannya. Pertama, beliau namakan *Siyasah Diniyyah*, iaitu pemerintahan berasaskan aturan peraturan yang diwahyukan. Negara jenis ini wujud dalam bentuk khilafah atau imamah. Kedua ialah *Siyasah 'Aqliyyah* yang bermaksud pemerintahan berdasarkan undang-undang dan aturan peraturan hasil dari fikiran manusia sendiri, tanpa pengaruh agama. Ketiga ialah *Siyasah Madaniyyah*, iaitu ketatanegaraan yang dikemukakan oleh ahli falsafah Muslim dan Yunani. Plato umpamanya mengemukakan *The Republic*, sementara al-Farabi menulis *Al-Madinah al-Fadhillah* (Mohd. Kamal 1982). Ibnu Khaldun lebih menyanjungi pemikiran politik fuqaha dalam konteks jenis teori siasah Islam kerana kumpulan ini lebih jelas fikiran keislamannya. Beliau sendiri mengadakan dan menggabungkan nilai pemikiran fuqaha dengan teori sosiologi,

sejarah, budaya, ekonomi, akhlak dan tamadun manusia, hingga terbentuk alirannya yang tersendiri.

Ibnu Khaldun (732-808H/1332-1405M) mengambil pendekatan yang berlainan jika dibandingkan dengan kumpulan fuqaha atau ahli-ahli falsafah dalam bidang siasah. Beliau tidak melihat politik secara sempit sebaliknya mengambil kira soal hukum-hukum, sejarah, kehidupan dan peradaban manusia. Berlatar belakang seorang kadi dan alim, beliau menolak teori-teori pendekatan politik ahli falsafah. Untuk mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat, teori-teori ahli falsafah yang berasaskan pemikiran dan impian sukar untuk dicapai. Beliau lebih mendekati pendekatan fuqaha namun ditambah dengan cara beliau sendiri iaitu membaca realiti dan tamadun manusia. Persoalan jatuh bangun sesuatu pemerintah juga menjadi perhatiannya dalam bukunya *Muqaddimah*.

Golongan kelima menampilkan pemikir masa kini yang maju dan berpengaruh, hasil adunan ilmu asas Islam dan ilmu moden. Mereka mendapat pendedahan bukan sahaja ilmu, malah metodologi baru yang kebanyakannya berbeza daripada pengajian Islam klasik. Buku yang dihasilkan juga mengenai Negara Islam. Mereka membahaskan soal kepimpinan, kedaulatan, undang-undang kuasa dan seumpamanya tetapi diberi tafsiran dan ulasan baru. Apapun penekanan, akidah dan syariah menjadi paksi pemikiran dan peranan pemerintah adalah pemegang amanah Allah. Kebanyakan gerakan Islam termasuk parti politik berunsur Islam kini termasuk di Malaysia menduduki kelas ini. Kumpulan kelima di zaman moden ini menghadapi sistem sosial yang berlainan disebabkan pelbagai perkara tetapi yang paling serius ialah kesan penjajahan kuasa Barat, iaitu Inggeris, Perancis dan Belanda. Kuasa-kuasa itu telah memperkenalkan dan memperkasakan dasar mereka supaya warga tempatan hidup dan berbudaya menurut tempo Barat. Pendidikan sekular Barat dilaksanakan di negara Islam. Turki yang pada satu masa dahulu kuat berpegang kepada sistem khalifah telah mengalami proses pembaratan. Empayar Uthmaniah berjaya digugat oleh kuasa Barat tersebut. Golongan agama dan kumpulan nasionalis bersama-sama menentang kuasa penjajah itu, tetapi kembali tidak bersatu selepas mencapai kemerdekaan. Masalah yang hampir serupa berlaku di negara Islam lain. Contohnya, penentangan dari gerakan khilafat di India yang diterajui oleh Shawkat 'Ali dan Muhammad 'Ali. Sementara di Asia Barat, muncul gerakan al-Manar yang dipimpin oleh Rashid Rida.



DENERBIT
UKM
UKM PRESS

<http://www.ukm.my/penerbit>

ISBN 978-967-412-010-8



9 789674 120108

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA